

## Klasifikasi Sekolah Menengah Persendirian Cina di Malaysia

HUANG JI-CHU

### PENDAHULUAN

Sistem pendidikan bahasa Cina di Malaysia terdiri daripada 1,290 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan 61 buah sekolah menengah persendirian. Disebabkan latar belakang dan sejarah tempatan yang unik, ditambah anutan falsafah pendidikan dan gaya pengurusan pentadbiran yang berlainan, setiap sekolah itu mempunyai ciri yang tersendiri. Sehubungan itu, ketika mengkaji sekolah menengah persendirian, perlu diperhatikan perbezaan dalam persamaannya. Oleh itu, pengkaji mendapati perlu dibuat klasifikasi sekolah persendirian yang sedia ada itu untuk memudahkan kajian perbandingan. Tetapi, oleh sebab klasifikasi umum yang disediakan Dong Zhong itu tidak memenuhi keperluan kajian akademik, maka didapati perlu dibina semula klasifikasi sekolah persendirian [seperti yang dilakukan dalam makalah ini – *editor*].

### MAKNA KLASIFIKASIR

Dalam menangani pelbagai isu pendidikan, penerokaan pengetahuan dan penyelesaian masalahnya secara sedar akan mendorong kita menggunakan hukum perbandingan yang merujuk dua hal yang berbeza yang dibandingkan berdasarkan “pengalaman” pengkaji dan beberapa kriteria “standard” agar boleh dibuat penilaian (Gu Mingyuan & Xue Li Yin 1996:44).

Menurut Kalaiboge “Konsep perbandingan sebenar ... hanya selesai selepas pengkelasan dilakukan ... Untuk membandingkan dua objek, anda perlu pastikan kedua-duanya diliputi dalam kategori yang sama” (dipetik Neil. D. Smelser 1992: 186). Oleh itu, kita wajar menangani masalah klasifikasi terlebih dahulu sebelum membuat perbandingan. Yang disebut sebagai klasifikasi objek adalah mengelaskan objek yang mempunyai banyak persamaan, berbeza dengan membuat pengasingan bagi objek yang mempunyai ciri-ciri perbezaan yang besar. Sehubungan itu, pengkaji mendapati perlu membuat klasifikasi yang sesuai untuk mengurangkan kesilapan pengelasan.

### BAGAIMANA MEMISAHKAN KELAS?

Menurut kajian statistik, klasifikasi adalah semua subjek dalam kajian itu telah diasingkan kepada kumpulan yang berbeza-beza berdasarkan standard tertentu.

Piawai yang digunakan itu boleh dibahagikan kepada tiga kategori: masa, ruang dan ciri (Chen Chao-chen 1991:38). Konsep masa adalah melakukan perbandingan secara menagak. Walaupun ia boleh dilakukan berdasarkan unit tahun, tetapi ia juga boleh dipisahkan peringkatnya untuk menunjukkan perkembangan peristiwa yang terlibat. Seterusnya, konsep ruang pula merujuk kepada ruang geografi, termasuk negeri dan negara. Ciri khasnya ialah ia boleh dibahagikan kepada kualitatif dan kuantitatif dengan ciri kualitatifnya untuk merefleksikan perbezaannya dari segi kualiti, sementara ciri kuantitatifnya adalah standard pengelasan untuk mengatakan perbezaan dalam kuantiti objek yang berkenaan.

Sementara itu, perlu dinyatakan ada kelemahan dalam klasifikasi yang berdasarkan ciri kuantiti. Masalah klasifikasi kuantiti itu didapati bila kita membahagikan suatu kepada beberapa tahap, maka dengan mahu dan tidak mahu kita akan menghadapi kecelaruan. Misalnya, ada kekaburan dalam pembahagian penduduk kepada kanak-kanak, orang dewasa dan orang tua.

Tidaklah logik orang yang dinanggap kanak-kanak beberapa saat sebelum itu telah berubah menjadi orang dewasa beberapa saat selepasnya, kerana pertumbuhan orang adalah proses yang berterusan. Tetapi, untuk keperluan klasifikasi, kita terpaksa mengorbankan kebenaran di peringkat yang tertentu. Ini bermakna pengelasan itu tidaklah sejelas dan setepat dengan pengelasan norminal, seperti jantina, kaum dan agama.

Bagi klasifikasi dalam kumpulan, perbezaan dalam kumpulan yang sama akan diketepikan; tetapi perbezaan antara kumpulan akan ditonjolkan. Di sini bilangan kumpulan adalah kuncinya. Sekiranya membahagikan suatu pembolehubah kepada banyak kumpulan, ia akan menyebabkan ciri yang sama itu dikelompokkan ke dalam kumpulan yang berbeza; tetapi terlalu sedikitnya kumpulan itu pula akan mengelompokkan perkara yang berbeza ke dalam kumpulan yang sama. Bagaimana klasifikasi itu boleh dilakukan adalah bergantung pada pengetahuan pengkaji tentang sasaran kajian dan taburan datanya.

Isu lain yang wajar dipertimbangkan dalam klasifikasi kuantiti ialah masalah skala. Klasifikasi skala itu boleh dibahagikan kepada dua jenis: kumpulan isometrik dan bukan isometrik. Misalnya, gaji pekerja yang telah dibahagikan kepada kumpulan RM0 - RM1.000, RM1.000 - RM2.000 dan seterusnya itu adalah kumpulan isometrik, manakala kumpulan RM0 -RM600, RM600 - RM1.500 dan seterusnya itu bukan isometrik. Sama ada kelompok isometrik atau yang lain itu juga berdasarkan pengetahuan pengkaji tentang subjek kajian dan taburan datanya. Secara umum untuk data yang bertaburan secara normal itu boleh digunakan kumpulan isometrik. Kelebihan kumpulan isometrik adalah ia memudahkan pengiraan data statistik.

Untuk menonjolkan ciri penting suatu pembolehubah, kumpulan bukan isometrik akan dipilih kerana ia lebih baik dalam pembahagian. Misalnya, antara kaya dan miskin, yang sesuai dengan situasi sebenar, dan yang tidak boleh dibahagikan mengikut isometrik secara mekanikal. Oleh sebab sukarnya untuk dibuat generalisasi, kita perlu membuat spesifikasi tertentu mengikut situasi dan analisis tertentu.

## KEKURANGAN KLASIFIKASI LAMA

Sebelum klasifikasi sekolah menengah persendirian dilakukan, terlebih dahulu perlu dianalisis beberapa kekurangan dalam klasifikasi yang telah dilakukan Dong Zhong. Klasifikasi Dong Zhong dahulu itu berdasarkan jumlah pelajar, iaitu pengelasan secara kuantitatif dengan membahagikan pelajar kepada tiga kategori. Pertama, sekolah persendirian yang berskala kecil dengan bilangan pelajaranya kurang daripada 300 orang. Kedua, sekolah persendirian yang berskala sederhana dengan bilangan pelajaranya antara 300 - 1.000 orang. Ketiga, sekolah persendirian yang berskala besar dengan bilangan pelajaranya melebihi 1,000 orang. Berikut adalah data sekolah persendirian 2006-2009<sup>1</sup> berdasarkan sumber Dong Zhong:

### KELEMAHAN DALAM KLASIFIKASI DONG ZHONG

Jadual 1. Taburan Sekolah Menengah Persendirian (klasifikasi umum Dong Zhong)

Tahun	Sekolah Persendirian Berskala Kecil	Sekolah Persendirian Berskala Sederhana	Sekolah Persendirian Berskala besar
2006	19	25	17
2007	18	25	18
2008	17	24	20
2009	16	24	21

Antara kelemahan yang ingin ditunjukkan itu adalah:

Pertama, kumpulan yang terlalu kecil. Secara teori, kumpulan kecil akan menyebabkan perbezaan besar antara objek yang dikelompokkan ke dalam kumpulan yang sama. Ini menyulitkan proses pengkaji menganalisis perbezaannya, maka cenderung untuk membuat kesimpulan yang salah. Misalnya, sekolah menengah persendirian yang mempunyai 400 orang pelajar dengan sekolah lain yang mempunyai 800 orang pelajar itu menunjukkan perbezaan yang nyata, tetapi kedua-duanya dikelaskan sebagai sekolah menengah persendirian yang berskala sederhana.

Kedua, titik penentuan yang tidak memuaskan. Mengapa bilangan 300 orang pelajar dalam sekolah dikelompokkan sebagai yang berskala kecil? Mengapa sekolah yang mempunyai pelajar lebih daripada 1,000 orang itu dianggap yang berskala besar? Setelah ditemuramah, Wei Zhong, mantan Pengarah Pentadbiran Maklumat Umum Dong Zhong, menjelaskan bahawa sekolah yang mempunyai bilangan pelajar 500 orang atau kurang itu dikelaskan sebagai sekolah yang berskala kecil, tetapi yang mempunyai bilangan lebih daripada 1,000 orang sebagai yang berskala besar sebelum itu. Pada tahun 1998, dalam Forum Reformasi Pendidikan Menengah Persendirian Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Sibü telah diubah bilangan minima sekolah yang berskala kecil daripada 500

orang kepada 300. Bagaimana angka 300 orang itu ditetapkan? Adalah diandaikan telah diadakan satu kelas untuk setiap tingkatan, dengan setaip kelas itu mempunyai 50 orang, maka timbullah angka 300 orang untuk sebuah sekolah. Perubahan itu adalah berdasarkan pertimbangan 500 orang sebagai bilangan minima dan pengiraan itu akan membahagikan sekolah persendirian sebagai yang berskala kecil, yang membawa konotasi merendahkan imej sekolah, jauh sekali daripada konsep “yang kecil itu indah”. Oleh itu, dalam usaha untuk mengurangkan bilangan sekolah persendirian yang berskala kecil, Dong Zhong telah menurunkan skala penentuannya. Menurut pihak Dong Zhon pertimbangan itu realistik.

Namun, pengelasan sedemikian itu dianggap tidak sempurna. Dalam jadual 2 telah ditunjukkan pengelasan umum yang dilakukan Dong Zhong berdasarkan bilangan pelajar secara purata (min bilangan pelajar) di sekolah persendirian yang berskala kecil dengan kurang daripada 20 orang; min pelajar sekolah menengah persendirian yang berskala sederhana yang berjumlah 30 orang; manakala min pelajar sekolah yang berskala besar dengan sebanyak 43 orang atau lebih, jarang yang mencapai angka 50 orang. Dari tahun 2006 hingga 2009, purata pelajar di sekolah menengah persendirian adalah lebih kurang 31 orang. Hal ini disebabkan bilangan mereka sudah berkurangan dari Tingkatan I hingga Tingkatan III sehinggakan min pelajar dalam setiap kelas susah mencecah angka 50 orang. Selain itu, peringkat menengah tinggi yang dibahagikan kepada aliran sains dan sastera itu juga telah menyebabkan bilangan pelajar itu jarang mencapai angka 50 orang. Oleh itu, kelas yang mempunyai pelajar 50 orang bukanlah yang lazim. Skala sedemikian mengelirukan orang ramai.


Dari sudut pandangan lain, situasi di Malaysia Barat dan Timur berbeza. Jika ditanya pengetua sekolah menengah persendirian tentang bilangan pelajar

Jadual 2. Min Pelajar Kelas Sekolah Menengah Persendirian 2006-2009

Tahun	2006	2007	2008	2009
Sekolah persendirian berskala kecil	19.70	19.68	19.40	18.66
Sekolah persendirian berskala sederhana	31.28	30.67	30.35	29.96
Sekolah persendirian berskala besar	44.45	43.66	42.69	42.51
Jumlah seluruh negara	31.35	31.26	31.35	31.32

di sekolah yang berskala besar di Malaysia Barat, jawapannya adalah sekitar 2.000 orang, Sekolah persendirian dengan bilangan sekitar 400 orang telah dikategorikan kepada sekolah yang berskala kecil. Tetapi, lainlah sinarionya di Malaysia Timur. Sekolah yang mempunyai pelajar lebih daripada 800 orang telah dianggap yang berskala besar; dan sekolah yang berskala kecil biasanya merujuk kepada sebelum itu yang mempunyai bilangan pelajar kurang daripada 100 orang. Oleh itu, berdasarkan analisis di atas, pengelasan tersebut adalah tidak ideal.

Ketiga, kumpulan bukan isometrik. Klasifikasi yang dipakai pihak Dong Zhong itu adalah kumpulan bukan isometrik. Dalam Rajah 1 di bawah ini telah ditunjukkan taburan data sekolah persendirian yang normal, kecuali data pelajar yang lebih daripada 2.000 orang, khususnya, tiga data yang terakhir. Dalam kes ini, kita sepatutnya menggunakan kumpulan isometrik, kecuali kumpulan bukan isometrik itu boleh menonjolkan ciri-ciri penting taburan data.



Rajah 1 Jumlah pelajar di 61 Buah Sekolah Persendirian tahun 2009 (susunan dari kecil ke besar)

### BAGAIMANA KLASIFIKASI UNTUK SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN?

Memandangkan adanya kekurangan dalam klasifikasi tadi, pengkaji mendapati perlu mempertimbangkan bagaimana klasifikasi itu dilakukan. Berikut diturunkan tiga kriteria standard sehubungan itu.

#### PENGELASAN JUMLAH

Klasifikasi yang dilakukan pihak Dong Zhong berdasarkan angka pelajar sebagai yang standard. Adakah ia sesuai sebagai kriteria klasifikasi? Cara itu tidaklah ideal. Semasa berkhidmat sebagai pengetua sekolah menengah persendirian, pengkaji pernah mengira bilangan pelajar yang tercicir dalam tempoh 2000-2006 dan mendapati bilangannya adalah sebanyak 23 orang dengan bilangan maksimumnya sebanyak 73 orang, maka bilangan puratanya adalah 48 orang. Oleh itu, sekolah yang mempunyai pelajar 320 orang pada awal tahun mungkin akan

berkurang kepada 280 orang pada akhir tahun, dan status sekolah yang berkenaan akan berubah daripada yang skala sederhana kepada yang skala kecil.

Memandangkan mobiliti tinggi di kalangan pelajar di sekolah persendirian, pengkaji telah memutuskan untuk mengambil kelas sebagai kriteria pengkelasan atas sebab-sebab yang berikut. Pertama, bilangan kelas adalah lebih stabil daripada bilangan pelajar. Bilangan kelas yang dibuka pada awal tahun biasanya akan kekal sampai ke akhir tahun, dan jarang yang mengalami peningkatan atau penurunan bilangannya. Kedua, peningkatan atau penurunan bilangan kelas akan mempengaruhi sistem pentadbiran sekolah yang berkenaan. Peningkatan bilangan kelas akan menyebabkan bilangan gurunya ditingkatkan. Peningkatan atau sebaliknya bilangan guru itu akan mempengaruhi aspek tatacara pengurusan sekolah. Sehubungan itu, penyelesaian masalah bilangan kelas dapat turut menyelesaikan masalah lain, terutamanya dari segi pendaftaran. Ketiga, bilangan kelas di sekolah mencerminkan perbelanjaan sekolahnya. Orang ramai sering mengatakan lembaga pengarah sekolah terpaksa menanggung kerugian ratusan ringgit untuk setiap pelajar yang diterima, walaupun pengambilan pelajar bererti pihak sekolah mendapat pendapatan tambahan. Tetapi, sekiranya kelas tambahan diperlukan untuk menampung bilangan pelajar yang terlalu ramai, guru tambahan perlu diambil. Pengambilan guru tambahan itu akan menyebabkan pihak sekolah menanggung kos tambahan. Dalam kedua-dua keadaan itu, pihak sekolah ternyata akan menanggung perbelanjaan yang besar. Sehubungan itu, bilangan kelas didapati boleh mencerminkan dengan lebih baik beban kewangan sekolah berbanding dengan bilangan pelajar.

Setelah ditetapkan kriteria, eluk beralih kepada pengelasan kumpulan. Oleh sebab bilangan tiga kumpulan itu terlalu sedikit, maka sekolah persendirian Cina eluk dikembangkan kepada lima kumpulan. Jika rumus empirik daripada Stuges<sup>2</sup> digunakan berdasarkan kiraannya iaitu 6.9, maka 7 kumpulan harus diwujudkan. Namun, setelah memerhatikan situasi di Malaysia Timur dan Barat, pengkaji memutuskan untuk membahagikan sekolah persendirian itu kepada lima kelompok berdasarkan taburan data yang normal, kecuali dua kumpulan awal dan akhir dengan tiga kumpulan di tengah-tengahnya itu didapati sesuai digunakan kumpulan isometrik. Klasifikasi baru itu adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3 di bawah ini:

Jadual 3 Klasifikasi Baru Mengikut Kuantiti

	Sekolah Persendirian Berskala Mikro	Sekolah Persendirian Berskala Kecil	Sekolah Persendirian Berskala sederhana	Sekolah Persendirian Berskala besar	Sekolah Persendirian Berskala Gergasi
Bilangan Kelas	Enam atau kurang kelas	7-18 kelas	19-30 kelas	Kelas 31-42	43 kelas atau lebih
Bilangan Pelajar	150 orang atau kurang	151-540	541-1050	1051-2000	2001 atas

Dalam Jadual 3 di atas turut dipaparkan bilangan pelajar sebagai kriteria tambahan. Hal ini disebabkan kebanyakan orang biasanya menggunakan bilangan pelajar sebagai ukuran saiz sekolah, maka terkadang-kadang hanya maklumat bilangan pelajar, tanpa bilangan kelasnya. Oleh itu, dalam jadual-jadual yang berikut, bilangan kelas telah digunakan sebagai standard. Sekiranya tanpa maklumat mengenai bilangan kelas, bilangan pelajar akan digunakan. Berdasarkan klasifikasi baru itu, data sekolah persendirian dari tahun 2006-2009 adalah seperti dalam Jadual 4 di bawah ini:

Jadual 4. Taburan Sekolah Menengah Persendirian Mengikut Saiz

Tahun	Sekolah Persendirian Mikro	Sekolah Persendirian Berskala Kecil	Sekolah Persendirian Berskala sederhana	Sekolah Persendirian Berskala besar	Sekolah Persendirian Berskala Gergasi
2006	10	21	16	6	8
2007	10	19	16	8	8
2008	11	18	13	10	9
2009	11	20	11	10	9

Setelah dibandingkan Jadual 1 dan Jadual 4, didapati klasifikasi Dong Zhong dan klasifikasi baru itu adalah tidak sama. Dalam penggolongan Dong Zhong itu, satu pertiga daripada keseluruhan sekolah persendirian itu adalah sekolah yang berskala kecil, tetapi dalam klasifikasi baru itu sekolah persendirian mikro dan skala kecil didapati telah menyumbang hampir separuh daripada jumlah keseluruhannya. Jika diteliti perubahan data sekolah persendirian yang berskala sederhana berdasarkan kedua-dua klasifikasi tadi, datanya telah memperlihatkan dua dikotomi yang berbeza. Soalnya mana satu klasifikasi itu dapat mencerminkan situasi sebenarnya? Ini tentunya memerlukan analisis yang lebih lanjut.

#### RUANG KLASIFIKASI

Klasifikasi baru ini juga mengambil kira aspek ruang. Ternyata pihak Dong Zhong memberi peruntukan khusus sehubungan itu, walaupun pembahagiannya telah dibuat mengikut kawasan pentadbiran dengan membahagikan Malaysia kepada Malaysia Barat dan Malaysia Timur. Pengkaji juga mendapati adanya perbezaan ketara mengikut zon, maka telah membahagikan 13 negeri di Malaysia kepada lima zon. Zon di selatan semenanjung meliputi Johor dan Melaka; zon kedua, tengah semenanjung meliputi Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; zon ketiga utara semenanjung meliputi Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan; zon keempat Sarawak, dan zon kelima, Sabah.

Di sini pengkaji ingin menjelaskan situasi di Malaysia Timur. Sarawak dan Sabah yang biasanya digabungkan sebagai satu zon. Tetapi, antara kedua-dua negeri itu ada perbezaan yang nyata. Dari segi saiz, nisbah keluasan Sarawak dan Semenanjung Malaysia ialah 1:1.06, iaitu keluasan Sarawak sama dengan

keluasan Semenanjung. Sabah juga adalah lebih besar saiznya daripada dua buah negeri Pahang, nisbah keluasan Semenanjung dan Sabah ialah 1:0.56. Ini bermakna saiz Sabah adalah lebih besar daripada separuh Semenanjung. Kalau demikian, keluasan Malaysia Timur adalah 1.5 kali lebih besar daripada Semenanjung Malaysia. Perbezaan kawasan di Semenanjung membuat pengkaji membahagikannya kepada tiga zon: utara, tengah dan selatan, sementara Malaysia Timur yang luas itu perlu mengambil kira perbezaan negeri, lalu membahagikannya kepada dua unit yang berbeza. Perbezaan latar belakang sosial masyarakat itu tercermin dalam bahasa pengantar dalam peperiksaan di sekolah persendirian. Sabah adalah satu-satunya negeri memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam subjek bukan bahasa, manakala Sarawak secara umum telah menerima bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dalam peperiksaan untuk semua subjek bukan bahasa, kecuali satu dua buah sekolah persendirian di negeri itu yang menerima kesan bahasa pengantar di Sabah.

KUALITATIF KLASIFIKASI

Selain itu, klasifikasi yang telah dibuat itu tidak mengira sama ada sekolah persendirian itu telah mengalami penstrukturan semula atau tidak. Sekolah persendirian yang distruktur semula itu adalah yang telah menubuhkan kelas persendirian. Dalam masa kebelakangan ini, kelas persendirian telah juga menubuhkan kampus sendiri dan menjadi sekolah menengah persendirian. Sehubungan itu, sekolah jenis ini menghadapi persaingan secara langsung daripada sekolah menengah Cina yang mendapati sukar untuk meneruskan pertumbuhannya. Situasi itu, menjadi lebih kompleks jika lembaga pengarahnya terdiri daripada ahli yang sama. Oleh itu, kategori sekolah ini mempunyai ciri tersendiri yang tidak boleh diabaikan. Dalam Jadual 5 di bawah ini telah ditunjukkan pengelasan berdasarkan klasifikasi ruang dan kualitatif, kemudian dilampirkan situasi sekolah menengah jenis kebangsaan Cina (SMJK (C)).

Jadual 5. Perbandingan Sekolah Menengah Persendirian yang Distruktur Semula dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Jenis Cina

	Sekolah Persendirian yang telah Distruktur Semula	Sekolah yang Tiada Penstrukturan Semula <sup>3</sup>	Sekolah Menengah Kebangsaan Jenis China
Selatan Semenanjung	1	9	8
Tengah Semenanjung	4	6	10
Utara Semenanjung	14	4	42
Sarawak	0	14	10
Sabah	0	9	8
Jumlah	19	42	78



Dalam Jadual 5 itu ditunjukkan sekolah yang distruktur semula di zon utara semenanjung; zon yang sama juga mempunyai bilangan sekolah menengah jenis kebangsaan Cina terbanyak.

### PERBINCANGAN TERHADAP KLASIFIKASI BARU SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN

Sebelum ini, pengkaji telah mengelompokkan jenis sekolah menengah persendirian berdasarkan klasifikasi ruang dan kriteria pengkelasan kepada empat seperti dalam Jadual 6, 7, 8, 9 dan 10 bawah ini:

Jadual 6 Klasifikasi Sekolah Menengah Persendirian Tahun 2006

Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana	Besar	Gergasi	Jumlah
Selatan Semenanjung	0	3	1	2	4	10
Tengah Semenanjung	0	1	4	2	3	10
Utara Semenanjung	0	12	5	1	0	18
Sarawak	6	4	3	1	0	14
Sabah	4	1	3	0	1	9
Jumlah	10	21	16	6	8	61
Purata	107.3	349.8	855.8	1439.2	3000.9	897.6

Jadual 7 Klasifikasi Sekolah Menengah Persendirian Tahun 2007

Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana	Besar	Gergasi	Jumlah
Selatan Semenanjung	0	3	1	2	4	10
Tengah Semenanjung	0	0	4	3	3	10
Utara Semenanjung	0	12	4	2	0	18
Sarawak	6	3	4	1	0	14
Sabah	4	1	3	0	1	9
Jumlah	10	19	16	8	8	61
Purata	114,4	323,7	832,3	1442,8	2958,6	915,1

Jadual 8 Klasifikasi Sekolah Menengah Persendirian Tahun 2008

Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana	Besar	Gergasi	Jumlah
Selatan Semenanjung	0	3	0	2	5	10
Tengah Semenanjung	0	0	4	3	3	10
Utara Semenanjung	0	11	3	4	0	18
Sarawak	7	3	3	1	0	14
Sabah	4	1	3	0	1	9
Jumlah	11	18	13	10	9	61
Purata	109,2	352,2	834,9	1241,1	3045,3	954,3

Jadual 9 Klasifikasi Sekolah Menengah Persendirian Tahun 2009

Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana	Besar	Gergasi	Jumlah
Selatan Semenanjung	0	3	0	2	5	10
Tengah Semenanjung	0	0	4	3	3	10
Utara Semenanjung	0	12	3	3	0	18
Sarawak	7	4	1	2	0	14
Sabah	4	1	3	0	1	9
Jumlah	10	20	16	10	9	61
Purata	103,2	370,0	936,7	1335,5	3144,1	991,6

Berdasarkan kriteria klasifikasi yang sama, pengkaji turut melakukan klasifikasi terhadap 78 buah SMJK (C) untuk dibuat perbandingan. Lihat Jadual 10:

Jadual 10 Pengelasan SMJK(C) Tahun 2005

Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana	Besar	Gergasi	Jumlah
Selatan Semenanjung	0	0	3	3	2	8
Tengah Semenanjung	0	0	3	1	6	10
Utara Semenanjung	0	2	6	7	27	42
Sarawak	0	3	1	2	4	10
Sabah	0	1	4	2	1	8
Jumlah	0	6	17	15	40	78
Purata	0	397,4	914,3	1306,8	2260,3	1646,91

Sumber: Yang Hui-yin, 2005.

Pengkaji ingin memperkatakan data yang terpapar dalam kelima-lima jadual di atas sebagai tinjauan awal. Mula-mula sekali tentang sekolah menengah persendirian mikro. Pada dasarnya, walaupun sekolah ini berselerakan di Sarawak dan Sabah, tetapi hal itu tidaklah anih. Menurut banci penduduk pada tahun 2002<sup>4</sup>, bilangan penduduk Cina di Malaysia Timur adalah di sekitar 840,000 orang, akan tetapi hanya mempunyai 23 buah sekolah menengah persendirian. Kalau orang Cina di negeri itu menyokong sekolah menengah persendirian, maka setiap sekolahnya itu akan mendapat sebanyak 36.521 orang pelajar. Sebaliknya, orang Cina di Semenanjung pula adalah sebanyak 5.08 juta orang, dengan 37 buah sekolah menengah persendirian dan bilangan pelajarnya secara purata sebanyak 137,297 orang bagi setiap sekolah, maka angka itu sudah 3.75 kali lebih banyak daripada yang terdapat di Malaysia Timur. Sehubungan itu, Dong Zhong wajar memberi lebih banyak perhatian dan bantuan kepada jenis sekolah sedemikian.

Kedua, sekolah menengah persendirian yang berskala kecil - Bilangan sekolah jenis ini lebih besar daripada yang lain. Untuk mengetahuinya dengan lebih baik, sama ada sudah distruktur semula atau tidak, ditunjukkan data sekolah berkenaan dalam Jadual 11 di bawah ini:

Jadual 11 Jenis Sekolah Menengah Persendirian Berskala Kecil dan Taburannya Tahun 2009

Kategori	Sekolah Menengah Persendirian yang telah distruktur semula	Sekolah Menengah Persendirian yang tidak distruktur semula	Jumlah
Selatan Semenanjung	1	2	3
Tengah Semenanjung	0	0	0
Utara Semenanjung	10	2	12
Sarawak	0	4	4
Sabah	0	1	1
Jumlah	11	9	20

Dalam Jadual 11, sekolah menengah persendirian yang berskala kecil, terutamanya di zon utara semenanjung, itu boleh dikatakan yang telah distruktur semula. Setelah dibandingkan dengan data dalam Jadual 5, ternyata sekitar 51% daripada saiz SMJK (C) adalah yang berskala besar dengan zon utara semenanjung menyumbang sekitar 35%; tetapi kira-kira 15% daripada sekolah menengah persendirian yang berskala besar itu bukannya terletak di zon utara semenanjung. Oleh itu, boleh dikatakan wujudnya bilangan sekolah menengah persendirian yang berskala kecil dan banyak itu adalah kerana tekanan persaingan yang sengit dengan SMJK (C).

Ketiga, sekolah menengah persendirian yang berskala sederhana - Daripada data selama empat tahun kebelakangan ini (Jadual 6,7,8,9), hala tuju perkembangannya adalah yang bersifat dwi-dikotomi. Perkembangan itu mencerminkan meningkatnya jurang antara sekolah di kawasan bandar dengan di luar bandar berikutan sebilangan besar penduduk desa telah berhijrah ke bandar. Fakta ini boleh dipastikan untuk membuat analisis yang khusus ke atas sekolah menengah persendirian di setiap kawasan yang berkenaan..

Keempat, sekolah menengah persendirian yang berskala besar - Perangkaan yang terkumpul itu menunjukkan inilah hala tuju bagi saiz sekolah menengah persendirian, lantaran bilangannya telah menurun dengan mendadak. Bagi zon utara semenanjung dan Sarawak, sekolah menengah persendirian yang berskala besar itu boleh dikatakan adalah had maksima perkembangan saiz sekolah yang berkenaan, manakala perkembangan daripada yang kala besar kepada yang raksasa pula bukan mudah bagi sekolah menengah persendirian di zon lain.

Kelima, sekolah menengah persendirian yang bersaiz raksasa - Hampir kesemuanya terletak di zon tengah dan selatan semenanjung, yang kebetulannya adalah kawasan yang padat penduduknya dan kebetulan pula adalah pusat pembangunan ekonomi. Di kawasan itu, tidak timbul masalah sumber pelajar, guru dan kewangan. Ini bermakna persekitaran luar yang baik adalah pra-syarat kepada perkembangan sekolah menuju ke skala raksasa. Ini juga bermakna ada kemungkinan di kawasan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang akan muncul sekolah yang berskala raksasa nanti. Sehubungan itu, pengkaji telah menganggarkan

kira-kira 11 buah sekolah menengah persendirian yang berskala raksasa akan lahir dalam dekad yang mendatang.

## KESIMPULAN

Data untuk klasifikasi dan taburan sekolah menengah persendirian di atas itu menunjukkan sekolah yang berskala kecil dan sederhana adalah saiz normal. Tetapi masyarakat Cina di Malaysia dan lembaga pengarah sekolah itu sering menggunakan angka pelajar sebagai kriteria untuk mengukur prestasi sekolah masing-masing. Hasilnya, sekolah persendirian yang bersaiz raksasa sering dijadikan kriteria standard untuk mengukur jenis sekolah persendirian yang lain, bahkan contoh untuk diikuti. Selain itu, pihak akbar sering membuat liputan sedemikian sehingga telah mencetuskan salah faham. Hakikatnya adalah saiz sekolah dihalang dua faktor luar. Pertama, bilangan penduduk tempatan, atau secara khususnya, bilangan pelajar Darjah 6 yang akan naik ke sekolah menengah. Kedua, persaingan antara sekolah di kawasan yang sama, termasuk SMJK(C) dengan sekolah menengah persendirian yang lain. Kualiti dan pencapaian sekolah itu harus berdasarkan kualiti pengajaran dengan guru menjadi aset penting.

Mitos sekolah yang bersaiz raksasa sering mencerminkan sikap pengurus sekolah dalam mentadbir sekolah mengikut acuan syarikat atau korporat itu adalah bertentangan dengan konsep pendidikan mengikut jenis pelajar (Li Guiqiang 2007:26). Isunya adalah bagaimana menimbangi kesan ekonomi dengan kesan pendidikan. Ringkasnya, klasifikasi sekolah menengah persendirian yang sedia ada itu ternyata tidak mencerminkan wajah sebenar sekolah yang berkenaan; maka perlu dibuat klasifikasi baru untuk menetapkan kriteria yang standard. Moga-moga artikel ini boleh membantu dalam usaha kita untuk mencapai matlamat itu.

## NOTA

- <sup>1</sup> Semua data angka pelajar dan kelas di sekolah menengah persendirian itu berdasarkan maklumat daripada Biro Dong Zhong.
- <sup>2</sup> Rumus empirik Stuges, nombor kelompok =  $1 + \log N/\log 2$ , N merujuk kepada data angka.
- <sup>3</sup> Sekolah Pei Chun di Pontian adalah sekolah menengah persendirian yang telah distruktur semula, tetapi SMJK(C) itu sudah ditutup, jadi pengkaji telah mengelaskan Sekolah Pai Chun sebagai sekolah yang tidak mengalami penstrukturan semula.
- <sup>4</sup> Data pendidikan Dong Zhong, "Tren Pertumbuhan Penduduk Cina 1970-2002", dimuat turun daripada laman web Dong Zhong, Ogos 2009, [http://www.djz.edu.my/resource1/index.php?option=com\\_content&view=article&id=801:1970-2002&catid=75:2009-07-31-05-27-30&Itemid=76](http://www.djz.edu.my/resource1/index.php?option=com_content&view=article&id=801:1970-2002&catid=75:2009-07-31-05-27-30&Itemid=76)

## RUJUKAN

- Chen Chao-chen 1991. *Statistic*. Taipei: Commercial Press.
- Gu Mingyuan & Shi Li Yin. 1996. *Pengenalan kepada Pendidikan Perbandingan - Pendidikan dan pembangunan nasional*. Beijing: People's Education Press.
- Li Guiqiang 2007. Rasional Menilai Sekolah Bersaiz Raksasa. *Pengajaran dan Pengurusan* (1 Jun). Taiyuan: Shanxi Institut Pendidikan.
- Neil. Ding. Smelser, Wang Zhou & Zhang Ping-ping. 1992. *Kaedah Perbandingan Sains Sosial*. Beijing: Sains & Sastera Press.
- Yang Hui-Yin, 2005. *Panduan Sekolah Menengah Kebangsaan Jenis Cina di Malaysia*. Kuala Lumpur: Lembaga Pengetua Hua Zhong.

(Sumber asal Huang Ji Chu. Pengkategorian Sekolah Menengah Persendirian Cina di Malaysia. *CMCS (Centre for Malaysian Chinese Studies) Bulletin*, (Kuala Lumpur): 8-14(2009).

Penterjemah: Chew Fong Peng, Ph D  
Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur

Emel: fpchew@um.edu.my